

Bantuan kajian saintis tempatan

BH 3 JUL 2001

KUALA LUMPUR, Isnin – Pegawai mengurus dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) tidak harus menyekat bantuan bagi membiayai kajian saintis tempatan yang hasilnya mungkin memberi sumbangan besar kepada negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka sebaliknya perlu bersikap positif terhadap permohonan saintis itu untuk melaksanakan projek penyelidikan masing-masing.

“Memang pun sukar untuk menilai idea dan tujuan kajian yang hendak dibuat. Mungkin kebanyakan daripada kajian ini tidak akan membawa apa-apa hasil. Mungkin peruntukan ternampak sebagai satu pembaziran.

“Tetapi amatlah sukar untuk menyelidik menerangkan kajian yang ingin dibuat dan hasil diharapkan. Saya percaya kebanyakan kajian tidak akan mendapatkan apa-apa hasil.

“Tetapi apabila ada kaji-

an yang mendatangkan hasil baik, pulangan daripada sumbangan wang daripada dana amatlah besar. Justeru, dana untuk kaji selidik dan pembangunan hendaklah diuruskan dengan lebih bersimpati kepada saintis yang melakukan penyelidikan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian sambutan Jubli Perak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding dan timbalannya, Datuk Zainal Dahalan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Jubli Perak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menugaskan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menguruskan dana bagi saintis tempatan membuat penyelidikan dan pembangunan.

Oleh itu, pegawainya perlu bersikap positif ter-

tidak harus disekat

hadap permohonan daripada saintis yang ingin melakukan kajian itu.

Dr Mahathir berkata, kementerian itu memainkan peranan semakin penting dalam pembangunan negara dan pegawainya hendaklah memiliki sikap positif terhadap tugas serta tanggungjawab mereka.

“Mereka perlu memberi kerjasama erat kepada saintis tempatan terutama yang membuat kajian dan cuba mencipta sesuatu yang berguna,” katanya.

Beliau juga menasihatkan anak tempatan menyemai budaya menekankan ilmu pengetahuan atau sifat ingin tahu serta tidak puas hati dengan apa yang ada.

“Bangsa yang mempunyai sikap dan budaya ini, yang suka memeriksa dan mengkaji semua kurniaan Tuhan, akan tetap maju. Justeru, kita bangsa Malaysia mestilah menerap budaya ini supaya kita juga akan maju dan tidak hanya bergantung kepada hasil penyelidikan serta ciptaan

orang lain,” katanya.

Dr Mahathir berkata, saintis tempatan perlu menyertai secara serius dalam bidang bioteknologi yang dipercayai boleh menyumbang kepada pembangunan industri canggih dan membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, mereka perlu bekerjasama dengan penyelidik dari negara lain untuk mengutip dan menyimpan segala data dan sampel mengenai ‘genome’ yang ada di Malaysia.